

**SONGKET DALAM PEMAKAIAN PENGANTIN
DI KELANTAN**

SITI AZLINA BINTI AZIZ

**PROJEK PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA
MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

UNIVERSITI
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
MALAYSIA
2011
KELANTAN

PERAKUAN

Saya mengaku laporan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pada bahagian-bahagian dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh :

18 Januari 2012

Siti Azlina Binti Aziz

C08A079

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya serta hidayah yang diberikan dapat juga saya menyempurnakan “*kajian Songket Dalam Pemakaian Pengantin di Kelantan*” bagi Subjek CFT 4134 (Projek Penyelidikan II).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada kepada En Mohd Nawi Bin Mat Ali selaku Penyelia Utama yang sentiasa prihatin dan penuh ketelitian memberi dorongan, tunjuk ajar, bimbingan dan memberikan pelbagai idea bagi membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada responden yang telah terlibat secara langsung dalam proses pengumpulan maklumat yang dijalankan bagi menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali tidak lupa juga dedikasi yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa yang banyak memberi sokongan serta semangat dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam menyiapkan kajian Songket Dalam Pemakaian Pengantin ini.

Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa kepentingan songket dalam pemakaian pengantin di Kelantan dengan melihat keberkesanan pemakaian songket kepada pengantin. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kualitatif. Pengkaji menjalankan kajian ini terhadap responden yang terdiri daripada golongan remaja, pasangan suami isteri, pemakai, peminat songket, orang awam, penjual, pereka fesyen dan juga bakal pengantin serta Mak Andam itu sendiri. Data akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah kualitatif secara langsung berdasarkan soalan yang telah dibentuk dan diajukan. Selain itu, kajian ini juga dilakukan bertujuan bagi memulihara songket daripada terus ketinggalan dalam arus serba kemodenan ini. Kesimpulannya, dapat mengetengahkan fabrik tenun seperti songket sebagai sebahagian daripada elemen tekstil secara tidak langsung dapat mengangkat fabrik berkenaan dan pada masa sama memperkenalkan rekaan beridentitikan Malaysia dengan sentuhan kontemporari dan menunjukkan songket dalam pemakaian Pengantin masih digunakan dan ianya harus dikekalkan bagi menjamin Warisan Busana Melayu terus berkembang dan dikenali oleh generasi akan datang.

ABSTRACT

This study and research aim to analyze songket interest in bride application in Kelantan. This study implemented by analyzing songket through qualitative method. This research respondent comprise from youth group, husband and wife, wearer, songket fan, public, seller, fashion designer and also bride-to-be and designer. Data grouped by method used questionnaire directly based on question that shaped and is joined. Apart from that, this study also done aim to conserve songket from continue to lag behind in current every modern. In conclusion, can suggest woven fabric such as songket as part of indirectly element can lift the fabric and at the same time introduce design Songket Malaysia with contemporary touch and show songket in bride application still used and it should be retained to ensure Warisan Busana Malay continue to expand and known by future generations.

MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN

| | |
|--------------------|-----|
| PENGAKUAN | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| KANDUNGAN | v |

BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|-------------------------------|---|
| 1.1 Latar Belakang | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.3 Objektif Kajian | 5 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 5 |
| 1.5 Batasan Kajian | 5 |
| 1.6 Metodologi Kajian | 6 |
| 1.7 Terminologi Kajian | 6 |

| | | |
|--------------|---------------------------------------|----|
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 | Pengenalan | 8 |
| 2.2 | Definisi Songket | 9 |
| 2.3 | Songket Sebagai Pemakaian Pengantin | 10 |
| 2.4 | Reka corak Dan Motif | 12 |
| 2.4.1 | Bahan Tenun Songket | 15 |
| 2.5 | Apresiasi Songket Dalam Budaya Melayu | 19 |
| 2.6 | Kesimpulan | 23 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 24 |
| 3.2 | Kajian Perpustakaan | 25 |
| 3.3 | Temubual | 25 |
| 3.4 | Pemerhatian | 27 |

| | | |
|--------------|---|----|
| BAB 4 | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 29 |
| 4.2 | Hasil Temubual | 30 |
| 4.3 | Pemakaian Songket Pengantin Di Kelantan | 36 |
| 4.3.1 | Pakaian Pengantin Melayu | 36 |
| 4.4 | Penyesuaian Dan Penggayaan Fesyen | 45 |
| 4.4.1 | Gaya | 45 |
| 4.4.2 | Fereka Fesyen | 49 |
| 4.4.3 | Pengasas Songket | 51 |
| 4.4.4 | Peniaga Songket | 52 |
| 4.5 | Analisa Kepentingan | 57 |
| 4.5.1 | Bangga | 57 |
| 4.5.2 | Mewah | 59 |
| 4.5.3 | Nilai Budaya | 60 |
| 4.5.4 | Hormat | 61 |
| 4.6 | Kesimpulan | 63 |

| | | |
|--------------|---------------------|-----------|
| BAB 5 | KESIMPULAN | |
| 5.1 | Kesimpulan | 64 |
| 5.2 | Perbincangan | 69 |
| | | |
| | BIBLIOGRAFI | 70 |

LAMPIRAN

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Pemakaian songket dalam perkahwinan Melayu telah bermula sejak abad ke 15 lagi. Ini merupakan hubung kait dengan songket sebagai pakaian rasmi kerajaan atau Istana. Songket dijadikan juga hadiah persalinan Di Raja dan apresiasi terhadapnya sangatlah tinggi dan bermakna. Dalam konteks perkembangan semasa songket semakin dihayati dan dipelbagaikan gunaannya dalam setiap rekaan pakaian dan aksesori. Kini songket telah dilihat secara global oleh pencinta Seni budaya tekstil. Beberapa rancangan televisyen telah menganjurkan majlis perkahwinan berdasarkan budaya Melayu telah menampakkan sambutan yang begitu baik di kalangan masyarakat luar. Mereka sanggup ke Malaysia untuk bersanding dan meraikan perkahwinannya “secara Melayu” sebagaimana persandingan orang Melayu tempatan yang

menggunakan songket sebagai pakaianya. Hingga kini songket telah diaplikasi ke dalam pelbagai aksesori lain termasuklah di jubah-jubah konvokesyen, kasut, tas tangan wanita hiasan dinding dan seumpamanya. Pada hakikatnya dapatlah di nyatakan bahawa pasangan pengantin yang bersanding dengan pakaian songket sangatlah istimewa, beridentiti dan berprestij.

Keindahan songket tidak semata-mata bergantung kepada hiasan benang emas yang dimilikinya. Gabungan kreativiti corak dan motif yang dihasilkan serta nilai emas di mata masyarakat menaikkan nilai songket. Para penggemar songket misalnya dapat merasakan kelainan songket silam dengan yang baru apabila mereka memerhatikan kaedah tenunannya dan corak-corak yang dihasilkan. Selain itu, songket juga tidak dipakai sebagai pakaian seharian. Ianya hanya digunakan pada hari-hari tertentu sahaja seperti acara-acara kebesaran, majlis-majlis keraian, inisiasi, ritual dan penghormatan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Memakai songket sebagai pakaian perkahwinan merupakan adat resam Melayu yang masih kekal hingga ke hari ini. Menurut Dr Sativa Sutan Aswar (2010), songket merupakan kain adat yang mempunyai nilai kehidupan yang simbolik yang perlu disuburkan. Raja Chulan (1965), “pemakaian kain jenis ini melibatkan status pemakainya dan pemakaianya pula penuh dengan simbolik sebagai simbol adat istiadat dan penuh dengan pantang larang.” Raja-raja Melayu dahulu kala menggunakan songket sebagai pemakaian istana dan kain “Anugerah Persalinan” di Raja atau pakaian kerajaan. Mengambil kira kegemilangan pemakaian songket di kalangan Istana inilah, orang-orang Melayu Kelantan khususnya menggunakan songket sebagai pakaian pengantin dengan gelaran “Raja Sehari”.

Berasaskan pernyataan yang sedemikian, pengkaji ingin meneliti dan menganalisa kepentingan pemakaian songket di kalangan pengantin di Kelantan pada masa kini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mengkaji kepentingan songket dalam pemakaian pengantin.

3.1 Dengan menganalisa pemakaianya di kalangan pengantin.

3.2 Dan membuat rumusan tentang kepentingannya dalam perkembangan budaya masa kini.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

1.4.1 Mengembalikan kegembilangan budaya Melayu di kalangan generasi moden.

1.4.2 Melahirkan nilai aprisiasi budaya di kalangan generasi baru.

1.4.3 Menjelaskan kepada masyarakat pentingnya sensitiviti dalam seni adat dan budaya Songket agar warisan kita tidak lupuk di telan arus kemodenan.

1.4.5 Dapat dijadikan bahan rujukan kepada pihak yang berkepentingan terhadap Warisan Tekstil.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya dikhatusukan kepada pemakaian Songket Dalam Pemakaian Pengantin Di Kelantan sahaja.

1.6 METODOLOGI

Kajian dibuat berdasarkan konsep kualitatif yang mengutamakan pengkajian keperpustakaan, penelitian dan temubual.

1.7 TERMINOLOGI KAJIAN

Istilah yang digunakan dalam kajian ini ialah kain, mengikut Kamus Dewan edisi keempat kain ialah barang yang ditenun daripada benang kapas dan lain-lain, seterusnya kain juga barang tenunan yang digunakan untuk pakaian atau untuk kegunaan lain. Manakala songket pula kain ~ (tenun) yang bersulam dengan benang emas atau benang perak.

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat pula, Majlis pula membawa badan yang dilantik atau dipilih, yang mempunyai kuasa mentadbir, membuat peraturan dan menasihat.

Kamus Dewan edisi keempat juga, Majlis membawa maksud perjumpaan (orang ramai), keramaian: *dia dikehendaki hadir dlm~itu; ~ bahas (perbahasan)* perjumpaan tempat atau untuk diadakan peraduan bahas; ketua ~ ketua dalam sesuatu perjumpaan;

Majlis II 1.cantik, elok, indah: *sikap* ~ tidak terkira.

Kamus Dewan edisi keempat, Motif membawa maksud sesuatu yang dijadikan dasar atau corak pada lukisan (ukiran dll): *penenun Iban paling gemar menggunakan ~ manusia, binatang, dan tumbuh-tumbuhan.*

Pengantin ialah orang yang sedang menjalani istiadat perkahwinan, mempelai: *maka disambut oranglah ~ itu dibawa naik; ~ baru orang yang baru berkahwin* ; (Menurut Kamus Dewan edisi keempat,).

Kamus Dewan edisi keempat, adat ialah peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulukala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).

“chain of bays” merupakan kain Teluk Berantai. Ia juga turut dikenali dengan nama kain jong sarat.

“laden junk” juga digunakan untuk kain Teluk Berantai dan Kain Jong sarat.

Pengantin ialah pasangan yang berkahwin, yang bakal dipersandingan atau juga yang di gelar Raja Sehari.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Penulisan tentang songket dan kepentingannya banyak terdapat dalam buku-buku dan jurnal di mana penulis banyak menyatakan tentang nilai motif, cara pemakaian dan kaedah pembuatan songket Setiap penulisan atau fakta yang dikumpul akan menyokong kajian di samping membuktikan teori yang digunakan adalah benar dan bersesuaian.

2.2 DEFINISI SONGKET

Siti Zainon Ismail (1986: 207) istilah kain jong sarat dan teluk berantai biasanya dirujuk kepada hiasan yang memenuhi permukaan kain sebagai songket bunga penuh atau songket Cuban. Hiasan ini yang berbeza dengan songket bunga tabor (Siti Zainon 1986: 207); sawet Palembang atau balapak Minangkabau. *Songket* berpakan emas, lebih menekankan aspek teknik dan proses menenun. Dalam tenunan ini benang pakan yang digunakan melalui Cuban ialah benang emas dan perak. Manakala bagi masyarakat *Bajau- Irannun* di sabah, kategori tenunan sulam dapat dilihat pada kain tubau yang menggunakan benang kapas yang dijadikan destar atau pudong. *Songket* benang kapas juga dibuat pada kain mogah.

Masyarakat Palembang beranggapan perkataan songket berasal dari songko, iaitu penggunaan benang emas untuk menghiasi ikat kepala atau songkok. Apabila benang emas mula dipakai untuk tenunan, istilah songket pula dirujuk kepada proses menghias songkok itu. Di Bali, perkataan nyuntik membawa maksud menyediakan bunga *songket* dengan cara mengangkat benang loseng, setelah mengikat benang butang bagi menghasilkan motif hias tersebut. Manakala di Sumbawa kain songket disebut *sarung subi kembuja*, iaitu kain yang disungkit hingga menghasilkan motif hias yang Ini berbeza dengan sarung subi sabe iaitu kain tenun sutera biasa tanpa hiasan di Sumbawa.(Suwati Kartiwa (1981/82: 16)

Pemerikan fungsi songket sebagai hadiah Tuanku Malim Dewa kepada Tuan Puteri Andam Dewi, sebentuk cincin sehelai kain jong sarat (Bottoms 1983: 37). Istilah jong sarat ini terkenal di Brunei Darussalam, contohnya dalam acara mandi beranak iaitu dilakukan selepas genap 44 hari bersalin, selepas itu ibu dan anaknya akan dihias dengan pakaian pengantin, dan dipakaikan kain jong sarat bergandi, berbunga dan berinai (Rokiah 1979: 23).

Tradisi songket Minangkabau yang disebut kain balapak terkenal dengan ciri-ciri budaya asal, khususnya dalam pemakaian destar, sandang atau selendang lelaki dan wanita, tengkolok tanduk penutup kepala wanita dan sarung serta samping. Penutup kepala yang berbentuk seakan-akan tanduk kerbau dianggap sebagai *simbol kemenangan-* minang bermaksud menang, manakala Kabau pula ialah kerbau. Dalam tradisi songket Minangkabau tidak terdapat motif tanduk kerbau, sebaliknya kain akan dibentuk seperti tanduk. Tanduk merupakan simbol wanita atau bunda kandung, khususnya digunakan *dalam upacara adat.*(Warming dan Gaworski (1981: 32)

2.3 SONGKET SEBAGAI PEMAKAIAN PENGANTIN

Asmah Haji Omar, menyatakan dalam beberapa petikan tentang pakaian orang Melayu di beberapa buah negeri di pantai timur. Menurut petikannya menjelaskan bahawa Catatan China tentang negeri Kelantan pada abad ke-10 mengisahkan bagaimana orang Kelantan gemar berpesta. Di samping orang lelaki dan perempuan mengikat sanggul di kepala dan memakai baju berbentuk

tunik pendek berserta *sarung kapas hitam* bagi memeriahkan lagi pesta berkenaan.

in the past, songket cloth was woven only for the royalty and their family, but now the Malays wear them as part of their costume for ceremonial functions, for example, the Malay wedding, circumcision, and celebration at the istana (palace) for installations, formal dinners and other important social occasions. (Norwani Mohd Nawawi (1994)

Kain songket ditenun hanya untuk Raja dan ahli keluarga mereka sahaja, tetapi sekarang masyarakat Melayu memakainya sebagai sebahagian daripada pakaian mereka bagi upacara perkahwinan Melayu, berkhatan, dan perayaan di Istana. Ia juga digunakan untuk pemasangan, makan malam rasmi dan lain-lain kegiatan sosial yang penting. (Norwani Mohd Nawawi (1994).

Berdasarkan kenyataan A. Samad (1985: 61) di dalam Hikayat Hang Tuah mengenai pengantin lelaki dan perempuan. Istana Melaka menggunakan istilah pakaian berpakan, sebagai pakaian sultan. Peristiwa ini digambarkan dalam Hikayat Hang Tuah, iaitu ketika Hang Jebat merampas kuasa dan tingal di istana.

kassim : (298) Menjelaskan penceritaan berkaitan Hang Jebat yang mandi di tempat Raja. Setelah Hang Jebat siap bermandi manda Hang Jebat pun memakai bau- bauan dan mengambil barang dari tempat simpanan Raja dan menggayakan setiap barang Raja yang berada di situ.

Budaya asal orang Melayu ini semakin berbeza terutama daripada aspek pakaian, pelamin, hantaran, dandan serta solekan pengantin. Pengantin zaman dahulu sekitar tahun 50-an atau 60-an kebiasaannya mengenakan potongan baju songket penuh dengan bunga tabur berpotongan ringkas. Aksesori tambahan di kepala dan di leher turut dikenakan seperti sepasang raja dan permaisuri untuk menepati definisi ungkapan Raja Sehari.(Pemilik Galeri Hamidah Yusof).

2.4 REKACORAK DAN MOTIF

Davis (1969), Dalam reka motif tekstil, motif yang dihasilkan melibatkan dua gaya, iaitu gaya organik dan gaya geometri. Berbeza daripada gaya organik, gaya geometri merujuk gaya garisan atau bentuk seperti segi empat, jalur melintang dan jalur memanjang. Susunan motif yang berulang pada tekstil dapat menghasilkan corak pada kain dan dikategorikan kepada tiga kumpulan susunan utama seperti menyerong, melintang dan memanjang serta bertabur.

Corak yang berfungsi sebagai hiasan pada fabrik melibatkan unsur reka bentuk seperti garisan, ruang dan bentuk, yang dihasilkan menggunakan warna sebagai manipulasi bagi mencapai kesan visual yang dikehendaki. Dalam konteks ini, corak yang dihasilkan dengan cara mengatur garisan, ruang dan bentuk sehingga terjadinya konfigurasi motif pada fabrik akan memberi kesan fizikal dan juga psikologi kepada pemakai.(Davis (1967),

Siti Zainon (1986), Alam sekitar merupakan sumber pendorong yang paling utama bagi orang Melayu. Mereka memindahkan inspirasi alam semula jadi kepada motif tekstil, seperti pada kain songket dan batik. Kepentingan sumber tumbuh-tumbuhan lebih menonjol daripada sumber lain seperti binatang, dan sumber ini digunakan lebih daripada sumber motif tekstil Semenanjung Tanah Melayu.

Penghasilan motif dan corak hiasan dalam bentuk susunan bukanlah sesuatu perkara yang baru, malah telah digunakan semasa zaman prasejarah lagi oleh masyarakat primitive. Motif tersebut mempunyai kaitan dengan simbol kehidupan yang dihasilkan melalui pengalaman fizikal dan pembuatan secara khayalan. Sesetengah motif atau corak yang dihasilkan pada zaman lampau, khususnya masyarakat primitif telah diubah suai dan digunakan dalam perhiasan masa kini.(Christine (1969),

Zakiah Awang (1983), dalam penulisannya pula menjelaskan perusahaan menenun dalam Warisan Semenanjung Tanah Melayu II, melibatkan alat tradisional dan penghasilan tenun yang dihasilkan dengan tangan di rumah.

Wingate (1979), corak ialah reka bentuk hiasan yang berfungsi menghias kain, selain menggunakan kaedah tenun.

Justema (1982), menjelaskan perkataan reka bentuk, motif dan corak merupakan istilah yang kerap digunakan bersama-sama dan mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Kedua-dua jenis kain tekstil masih menampilkan ragam hias yang timbul sebagai sulaman. Dari segi fungsi, songket kerap kali dijadikan sarung, baju kurung, kebaya panjang, selendang, destar dan bengkung khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dan Brunei, tetapi, kain ulos pelepai dan pua kumbu berbentuk kain panjang atau persegi dan tidak dijahit untuk dipakai secara ikat di kepala, selempang di bahu atau kain panjang melilit di bahagian badan. (Niessen: (172 – 184; Wassing (1983: 15)

Aktiviti tenun yang diwarisi oleh orang Semenanjung Malaysia merupakan kemahiran turun temurun yang diwarisi daripada Kerajaan Melayu Langkasuka dan Pattani yang dipercayai telah wujud sejak kurun pertama masihi. (Sheppard, (1972)

Heine Geldern dipetik daripada Frazer (1966), berkenaan penggunaan bahan tenunan pula, kaedah tenunan pada regangan belakang(a *back-tension* atau *back strap*) yang terdapat pada perkakas tenun yang berbentuk' warp' (lungsin atau benang memanjang, merupakan alat yang diperbuat daripada gangsa atau besi yang dibawa dari tempat lain oleh manusia. Alat tenunan dipercayai berasal daripada kebudayaan Dongson di antara 700 tahun sehingga 300 tahun sebelum Masihi lagi. ia berpendapat alat itu dipercayai di peringkat awal perkembangan stail seni yang wujud di Asia Tenggara

Rodger, (1985) dan Arney, (1987), penghasilan tekstil di Semenanjung Malaysia sebagai keperluan asas mempunyai kaitan bagaimana orang Melayu Semenanjung Malaysia mengamalkan kemahiran kraf tangan secara kecil-kecilan. Di samping itu juga, aktiviti tekstil ini merupakan kemahiran

penduduk semenanjung Malaysia mengolah tekstil yang dibawa masuk dari tempat lain bagi kegunaan Semenanjung Malaysia.

Maxwell (1994), tekstil yang direka terdiri daripada limar dan songket sebelum kaedah resis diperkenalkan. Penghasilan tekstil juga dikaitkan dengan keperluan asas untuk membuat kain dan juga membuat pakaian yang melibatkan penghasilan motif. Bagi orang Melayu Semenanjung Malaysia, istilah tekstil, khususnya fabrik dirujuk pada kain dan kemudian diikuti dengan istilah teknik dan reka motif atau corak. Contohnya, istilah tekstil bagi fabrik mengikut Semenanjung Malaysia ialah kain limar, kain songket, dan kain batik. Kain songket dikaitkan dengan teknik menghasilkan fabrik dengan menggunakan ragam hias benang emas atau perak (benang gimpal).

Niessen: (172 – 184;) Wassing (1983: 15) The Minangkabau songket had a light and delicate character quite different from that of the heavier Palembang weavings, and part of their shimmering effect comes from the thin gold or silver thread that the older women said came from Europe. Almost the entire front surface of some of the older weavings, especially the long rectangular selendang and narrow sashes, is covered with this metallic thread in fine repeating geometric patterns.

Grace Selvanayagam (1990), “Songket” is a hand-loomed cloth of supplementary weft- weaving technique belonging to the brocade family of textiles. “ a rich luxurious, ceremonial fabric, hand- woven in silk or cotton, and intricately patterned with gold (and sometimes silver) threads which stand out in subtle relief on the background cloth. The interplay of light and gentle

shadow on the fabric creates a gorgeous shimmering effect, making it undoubtedly the “Queen” of hand-woven.

2.4.1 Bahan Tenun Songket

Grace Selvanayagam (1990:xviii) Songket yang diperkenalkan ke Malaysia dari India melalui sumatra palembang dan jambi, berasal pada zaman Sriwijaya (ketujuh untuk negara kesebelas).

Grace Selvanayagam (1990:xviii), the remaining the material was silver in copper widely varying ratios .the gold in antique Malaysians songket was made of round filament wire wrapped around a heavy core.

Commencing from the birth of a baby through wedding ceremonies and the installation and death of a ruler", kain songket served not only as splendid garments but also as backdrops, hammocks and shrouds. To someone only used to seeing kain songket as a samping in the traditional baju Melayu attire for men, the new designs are quite mind blowing. It is hard to imagine that kain songket, which is so steeped in tradition and Malay culture — can lend itself to couture so well.(Datin Noor Azlina (2009).

Silk is not uncommon in Indian households. The traditional bridal saree is made from embroidered kanchipuram silk costing anywhere from a thousand to tens of thousands of ringgit. Of course, with the advent of artificial silk — ingeniously called Art Silk by textile manufacturers — a poor bride can still look rather splendid on her wedding day. Over at home, traditional Malay

weddings allow the bride and groom to be raja sehari or royalty for a day. What better material to be seen in for royals and those feeling like royalty than the cloth of gold, songket. (Datin Noor Azlina (2009).

Alat tenunan ini menggunakan dua karat (shaft) dan sekeping papan tanda untuk menggulung benang loseng (warp). Menurut Mr Lias Roth, alat tenunan orang Melayu, Jawa dan Kambodia membentuk satu kumpulan alat tenunan yang mengandungi gigi jentera (red) dan mempunyai ciri-ciri penggulung benang loseng seperti papan gulung berserta dengan rangka asas alat tenunan itu.(Norwani Mohd Nawawi (1986).

Norwani Mohd Nawawi (1994), kraf tangan khususnya batik dan songket merupakan satu aktiviti yang sangat penting bagi masyarakat desa di Semenanjung Malaysia. Aktiviti ini merupakan satu perusahaan keluarga yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Mengikut sejarah tekstil, khususnya dari segi menenun kain, aktiviti ini merupakan satu aktiviti yang penting di kalangan pemerintah sebelumnya. Ia juga telah memberi galakan kepada setiap wanita di Semenanjung Tanah Melayu untuk menceburi aktiviti menenun. Keadaan ini juga menunjukkan aktiviti kraf tangan, khususnya tekstil harus dipelajari dan sangat penting di Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu.

Wanita yang mempunyai kemahiran yang luar biasa menjadi penenun golongan Istana dan Raja. Bagi gadis pula, menenun merupakan satu aktiviti yang harus dipelajari sehingga ia menjadi satu aktiviti penting sebelum mereka dewasa. Aktiviti ini juga menjadi pengukur kepandaian seorang gadis atau

wanita Melayu sehingga kepandaian ini dikaitkan sebagai kesempurnaan mereka. (Norwani Mohd Nawawi (1994).

Wan Hashim Wan The (1996) dalam bukunya *Malay Handicraft*, perusahaan songket dan batik yang bercorak kotej yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu ini masih terikat dengan ciri-ciri kraf tangan yang bercorak tradisional.

Ciri tradisional kraftangan menjelaskan bagaimana tekstil (songket) membentuk susunan ragam hias tradisional mengikut bahagian tertentu seperti kepala, kaki, dan badan kain. Selain itu, kraftangan tradisional mengutamakan motif pucuk rebung jenis lawi ayam terutama pada bahagian kepala kain. (Menurut Siti Zainon (1986).

Siti Zainon (1986), dipercayai tenunan yang lebih rumit ialah tenunan yang menggunakan ragam hias benang emas atau perak, dan tenun jenis ini dipercayai berkembang di istana bagi kegunaan raja dan golongan bangsawan. Pada mulanya tenunan beragamhiaskan emas yang merupakan bahan mewah ini hanya digunakan di istana dan menjadi larangan bagi orang biasa untuk memilikinya. Hal ini adalah kesan daripada pengaruh Hindu yang membezakan penggunaannya antara rakyat biasa dengan golongan pemerintah. Ragam hias berbenang emas yang bercorak teluk merupakan motif larangan pada ketika dahulu, tetapi sekarang larangan itu tidak berlaku lagi.

Sabrena Shamsul Baharin, (2008) Eksekutif Pemasaran Bibah Songket, “Gandingan warna dan motif meletakkan fabrik tenun pada tahap gah kerana

motif dalam tenunan songket variasi sifatnya. Ada motif tradisional dan ada juga motif moden. Seterusnya, fabrik tenun adalah satu bahan yang sangat unik dan perlu dikekalkan kehadirannya di sisi masyarakat kerana fabrik berkenaan bukan setakat unik pada pandangan mata, tetapi proses pembuatannya juga lebih daripada itu kerana ia dihasilkan oleh percaturan akal dan kreativiti manusia.

Keunikian fabrik tenun ini, sebahagiannya terletak pada kaedah atau proses ia dihasilkan. Walaupun menghasilkan motif dan warna yang lebih moden, cara penyediaan tetap perlu dilakukan dalam kaedah tradisional kerana teknik menenun yang diaplikasikan terhadap benang sehingga siap sehelai kain memberikan nilai yang berbeza.

Azah Aziz (2007), Buku Selayang Kenangan mengatakan “ Baju Cik Siti Wan Kembang bersongket penuh dan bersetelang limar antara pakaian lagenda bangsawan yang masih menjadi sebutan. Mengambil sempena nama Cik Siti Wan Kembang seorang Raja Perempuan yang memerintah negara”. *Tanah Rendah Sekebun Bunga Cerang Tegayung’ dalam abad ke 17...”*.

2.5 APRESIASI SONGKET DALAM BUDAYA MELAYU

Dalam konteks tradisi agung Melayu (the Malay great tradition) kain berhias bahan emas (benang atau air serbuk emas-gold leaf) juga merujuk kepada kepelbagaiannya jenis dan reka bentuknya. Selain songket, citra kemilau emas juga ditemui dalam kain telepuk iaitu kain berhias serbuk emas yang dikenali

dalam teks sastera sebagai “perada terbang”; songket limar, tenun corak hujan lebat (heavy rains) emas, kain tengkarung (asal Tenggarung), atau batik Surabaya. (Siti Zainon Ismail (1995),

Raja Chulan (1965), menyatakan semua jenis kain ini melibatkan status pemakainya dan pemakaianya pula penuh dengan simbolik sebagai simbol adat istiadat dan penuh pantang larang. Selain itu, dijelaskan juga tentang anugerah “ persalin persembahan dari Raja Bendahara kepada baginda gering. Iaitu persalinan sedondon “ berkain ungu, berbaju ungu, bulung hulu pelangi (tie and dye, head gear). Persembahan daripada Temenggung pula, ‘ kain hijau berpelangi’. Walaupun tidak disebut songket tetapi kemilauan benang emas memang tersirat dan sebagai busana ‘persalinan diraja’ atau pakaian kerajaan. Melalui sistem warna, telah ditetapkan warna putih emas untuk raja yang memerintah; kuning untuk putra raja atau raja muda diikuti dengan warna biru atau ungu untuk bendahara, hijau untuk temenggung dan merah untuk laksamana. Makna simbol ini telah diperikan sejak dalam zaman kesultanan Sultan Muhammad Shah di Melaka (1424-1446).

Raja Chulan (1965), halaman 54 dalam buku Sejarah Melayu, tentang ‘selengkap pakaian’ dan pakaian persalinan’, persalinan lengkap semua berhias air emas atau berpakan emas. Semua melambangkan status, khususnya bagi mereka yang diberi anugerah, harus pakai kalau menghadiri acara istana ‘..... setelah menerima kurnia, maka semoga bertengkolok’.

Chulan (1965: 103), Melayu semenanjung dan Brunei terkenal dengan pakaian songket daripada songket sedundun atau lima persalinan sebagai

pakaian lengkap. Pakaian ini biasanya berwarna putih dan warna kuning menjadi simbol budaya tradisi agung. Manakala, songket kesumba terkenal sebagai pakaian tradisi Melayu Perak.

Yang membezakan antara kain songket daripada tenun sutera dan tenun ikat kapas ialah penggunaan benang dan teknik. Ulos ragi idup yang terkenal dikalangan masyarakat *Batak*; pelepai atau tampan yang terkenal di kalangan masyarakat *Palembang* tidak menggunakan benang emas, sebaliknya berpakan benang kapas yang berwarna.

Robyn Maxwell(1994), dalam Buku *Textile Of Southeast Asia-Traditional Trade And Transformation* mengatakan “Certain motifs and colours became the symbol of noble birth, and many cloths could in fact, be won by both men and women. Throughtout the malay worid, for example, yellow clothing become associated with aristocratic costume and was reversed exclusively for royalty..”.

Kem Salleh dan Ashley Wong (2005), menyatakan "Songket sering digunakan untuk pakaian tradisional khususnya pengantin, tetapi apabila hendak menggalakkan pemakaian songket haruslah tampil dengan idea yang kreatif dan menepati cita rasa pengguna. "Memandangkan songket itu sendiri sudah kaya dengan corak dan cukup indah, maka kami menggunakannya sebagai motif atau hiasan bagi rekaan kasual.

Dr Sativa Sutan Aswar (2010), Kain adalah sebahagian dari adat. Kain digunakan dalam berbagai acara tradisi dan keperluan harian. "Kepala itu

sakral, kita punya tutup kepala asli dari Jambi,” katanya. Selain itu, kain juga sebagai alat yang boleh menjadi medium untuk menyampaikan ”pesan”.

Kain bukan hanya sekadar hasil kerajinan tangan. Ada gagasan kebudayaan di antaranya terdiri dari aturan adat dan diekspresikan kepada berbagai motif tenun tradisional. Di Minangkabau, motif itik pulang patang atau itik pulang sore, berbentuk huruf S, dan digunakan sebagai batas pinggir horizontal. Dengan metafora bebek yang fleksibel, bisa berjalan di tanah dan berenang di air, motif ini hendak menggambarkan orang Minang yang fleksibel, mampu beradaptasi dan bekerja sama. ”Semua kain adat itu ada ayat-ayat kehidupannya. Itulah yang ingin saya sebarkan karena kita kehilangan nilai-nilai itu,” (Dr Sativa Sutan Aswar (2010).

Zakiah Awang (1983), Di Semenanjung Malaysia, perusahaan tenun yang dihasilkan oleh orang Melayu merupakan perusahaan ketiga penting selepas perusahaan batik dan perak. Perusahaan ini merupakan milik orang Melayu Semenanjung Malaysia dan tidak dilakukan di kalangan bansa lain. Perusahaan ini merupakan perusahaan warisan silam yang memerlukan kemahiran dan ketekunan untuk menghasilkannya. Faktor-faktor tersebutlah yang menyebabkan perusahaan ini dimonopoli oleh orang Melayu sahaja.

Sharifah Kirana,(2010) “dia tidak mahu terus menghilangkan identiti Melayu pada setiap ciptaannya”. Oleh itu, mengekalkan motif pada fabrik tenun namun diperindahkan dan diperbaharui menerusi potongan moden supaya nampak lebih versatil dan anggun kala disarungkan ke tubuh wanita.” Beliau percaya kecantikan serta keaslian budaya Melayu tidak akan terlerai

sekiranya kita masih menjaga apa yang menjadi tunjang kepada budaya itu sendiri. "Dengan mengekalkan ciri ini, budaya akan terus terpelihara selain mampu memartabatkan industri ini ke tahap yang lebih baik,".

Hazwani Osman (2008) menjelaskan setiap sentuhan songket akan memberikan rekaanya nampak kelihatan sopan dan merasakan kain songket dihormati dengan kehalusan songket itu. "Apabila mereka pakaian menggunakan sentuhan songket, tentunya rekaan berkenaan lebih sopan bagi menghormati kain songket itu sendiri. Ia warisan bangsa yang tidak harus dipandang rendah. Jadi, rekaan menggunakan kain tenun ini juga harus ada batasannya. Paling penting, rekaan itu jangan nampak murah,"

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.6 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang diberikan oleh para pereka fesyen tekstil tempatan dan luar negara, penggemar songket dan juga tokoh yang telah membuat pelbagai kajian ke atas songket dalam kehidupan masyarakat dulu dan kini. Selain itu, para pereka dan tokoh turut menyatakan motif-motif songket, proses menghasilkan tenunan, dan juga makna simbolik di sebalik penghasilan songket dalam sesbuah majlis adat terutamanya dalam majlis perkahwinan.

Hal ini telah membuka ruang untuk pengkaji bagi menganalisa pemakaianya di kalangan pengantin dan membuat rumusan tentang kepentingannya dalam perkembangan budaya masa kini. Berdasarkan reka corak dan pemakaian pengantin melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pereka. Songket merupakan salah satu tekstil warisan yang bernilai bagi seseorang individu kerana songket bukan berfungsi sekadar untuk dipakai dalam majlis formal sahaja tetapi juga memberi makna bagi pemakainya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini dibuat berdasarkan kaedah Kualitatif yang mengutamakan pengkajian historical, pemerhatian dan temubual. Kaedah ini bersesuaian dengan topik dan permasalahan yang hendak di kaji. Dalam konteks ini kajian keperpustakaan sangat lah mustahak bagi mendapatkan maklumat tertulis dari kajian yang terdahulu.

Penelitian terhadap jurnal, tesis dan penulisan akademik dijangka dapat membantu pengkajian ini. Maklumat juga akan diperolehi dari filem dan dokumentasi digital koleksi Arkib.

3.2 Kajian Keperpustakaan

Meneliti dan mengumpul data dari buku sejarah dan penulisan yang berkenaan dengan perkahwinan dan pemakaian pengantin. Dalam peradaban dan majlis-majlis budaya dan adat resam juga diteliti dari konsep reka corak dan penyesuaian pemakaian. Pengkaji juga meneliti bahan rujukan yang berkaitan dengan sejarah songket, motif-motif reka corak songket untuk memudahkan lagi pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan. Di nyatakan maklumat yang pengkaji dapati melalui kajian teks ialah menerangkan tenun mempunyai jenis biasa dan bercorak. Dari segi tenun biasa ia menghasilkan kain yang digunakan oleh golongan masyarakat biasa terutama kain yang dibuat dari bahan benang kapas. Selain itu, benang sutera juga digunakan tetapi dalam kuantiti yang tidak banyak kerana kos pembeliannya yang mahal.

3.3 Temubual

Temubual dibuat secara spontan di kalangan khalayak tertentu yang telah dikenal pasti. Temubual dengan pihak dan individu yang berkenaan dengan tajuk kajian yang dijalankan juga sangat mustahak. Hal ini kerana pandangan dan pengalaman responden akan dikira sebagai kata bukti yang boleh dijadikan sebagai data. Masih terdapat ramai lagi orang-orang tua dikampung yang berpengalaman dan tahu mengenai songket yang perlu ditemubual. Pandangan dan pengetahuan mereka mungkin berlainan dengan apa yang ditulis dan diterbitkan dimasa kini. Setiap pandangan responden akan membantu pengkaji mendapatkan data yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Selain itu, pandangan dan pendapat orang-orang barat atau orang bukan Melayu terhadap songket dan pemakaian pengantin juga mustahak sebagai data pengkajian kerana setiap pandangan mempunyai cara yang berlainan. Pengkaji akan mengambil kira setiap pandangan responden sebagai data untuk kajian songket dalam pemakaian pengantin. Di antara pihak yang menjadi fokus utama ialah:

- i) Pengantin – pasangan yang bakal di persandingan. Menyelami perasaan ketika menggayakan songket serta nilai yang diperolehi.
- ii) Mak Andam – orang yang menguruskan perhiasan dan pakaian pengantin.
- iii) Pereka fesyen – yang menghasilkan rekaan busana pengantin.
- iv) Pembuat dan peniaga songket – orang yang bertanggungjawab untuk menghasil dan memasarkan songket.

3.4 Pemerhatian

Pemerhatian dianggap perlu dalam kajian ini untuk menambah pengalaman peribadi pengkaji terhadap:

- i) Pemakaian Pengantin – pemilihan busana, songket dan penyesuaian ruang.
- ii) Persandingan Pengantin - keceriaan majlis.
- iii) Apresiasi khalayak terhadap pengantin.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Hasil dari rujukan keperpustakaan, pemerhatian dan temubual, pengkaji berjaya mengumpul maklumat dan fakta yang menepati kepentingan topik. Fakta-fakta ini dianalisa dan dirumuskan sebagai satu dapatan yang boleh memperakui hakikat kajian yang sebenar.

4.2 HASIL TEMUBUAL

Pengkaji telah menjalankan temubual bersama responden mengenai keberkesanan songket kepada pengantin.

Siti Nurulakhmaniza Binti Mahassan, pilihannya memakai songket kerana minatnya yang tersendiri dalam kain songket. Responden juga merasa bangga apabila menyarungkan pakaian tradisi ini kerana ianya melambangkan warisan dan keaslian Melayu. Selain itu, responden berpendapat pemakaian songket sangat sesuai digayakan sebagai Raja Sehari. Pemakaian songket bukan hanya sebagai pakaian biasa tetapi memberi makna kepada setiap pemakainya termasuklah juga kepada pasangannya. Kebiasaan responden mendapatkan pakaian songket dengan menyewanya dari pihak tertentu seperti butik-butik pengantin yang telah disediakan.

Saudah Binti Man dari Kuala Krai, pilihannya dalam songket lebih kepada perunding (Mak Andam). Responden merasa yakin dan bersemangat seperti seorang Raja walaupun hanya sebagai Raja Sehari. Songket mampu memberi kesan yang mendalam kepada pasangan melalui keserian apabila memakai pakaian songket pengantin ini. Responden berpandangan pemakaian songket ini sesuai dipakai sebagai Raja Sehari. Dari segi perolehan pakaian songket ini pula melalui sewa dengan pihak pengurusan perkahwinan.

Pengkaji telah menjalankan temubual dengan responden iaitu Siti Asmira Binti Hussin, dari Kg Mengkebang Kuala Krai. Pemakaian songket kerana minat yang tersendiri dalam menggayakannya ketika majlis persandingan berlangsung. Hal ini kerana memakai songket akan membuatkan dirinya merasa yakin dan

bersemangat seperti seorang Raja walaupun hanya sebagai Raja Sehari. Responden juga berpendapat songket sangat sesuai digayakan kerana ianya penuh dengan nilai budaya masyarakat Melayu yang mempamerkan kehalusan dan maksud yang mendalam dalam menyampaikan nasihat kepada masyarakat Melayu. Selain itu, pakaian songket ini merupakan hasil daripada membelynanya sendiri untuk majlis perkahwinan.



Gambar 4.1.1 Songket Bunga Tabur

Berdasarkan responden Mohd Nazmi dari Kampung Mengkebang, Kuala Krai menjelaskan tujuan utama beliau menggayakan songket ketika majlis perkahwinan kerana pilihan keluarga yang mengutamakan pakaian tradisional dalam pemakaiannya. Responden juga berpendapat apabila memakai songket beliau merasa serba salah kerana keadaan fesyen yang tidak

bersesuaian dengan masa kini. Beliau menjelaskan lagi keadaan yang semakin canggih dengan pelbagai rekaan turut menjadi faktor beliau tidak selesa apabila menggayakan songket. Sebagai contoh, terdapat banyak pilihan dari pelbagai jenis kain seperti kain labuci, seting, lace dan sebagainya. Seterusnya, responden berpendapat kain songket ini tidak sesuai dengan peredaran zaman sekarang kerana lebih moden dan mempunyai pelbagai bentuk kontemporari yang cantik dan bergaya. Pakaian songket ini diperolehi daripada butik pengantin yang menyewakannya khusus untuk para pengantin.

Afifah Binti Ariffin dari Kuala Krai Kelantan. Beliau menjelaskan faktor utama kain songket dipilih sebagai pemakaian ketika majlis persandingan kerana saranan dari pihak perunding iaitu Mak Andam. Beliau turut berpendapat setelah memakai songket timbulnya perasaan malu dan tidak selesa kerana terpaksa memakainya dan bukan pilihannya sendiri. Hal ini kerana responden tidak mempunyai minat tersendiri mengenai songket. Pemakaian songket bagi responden pula ialah biasa sahaja dan tidak mempunyai keunikan yang boleh menarik hati beliau. Kain songket ini diperolehi responden dari butik pengantin yang terlibat dalam majlis persandingannya.

Berdasarkan responden Nor Haslinie dari kampung Sungai Pas, Kuala Krai Kelantan yang berumur 26 tahun. Responden memakai songket pada hari perkahwinan yang bermakna itu kerana pilihannya sendiri, menurut beliau lagi, kain songket sangat terkenal sebagai kain adat yang melambangkan keperibadian orang Melayu itu sendiri. Responden memberitahu bahawa

songket sememangnya wajib dipakai ketika majlis persandingan kerana ianya boleh membuatkan pengantin merasakan hari tersebut sangat bermakna, meriah dan berseri-seri. Tambahan pula jika digayakan dengan pemilihan warna yang menarik. Contohnya, responden telah memilih warna kuning sebagai warna pilihannya kerana bagi responden, warna kuning memberi maksud kerabat Diraja dan dihormati. Jadi tidak salah jika ketika itu lah beliau ingin merasai bagaimana berada di dalam suasana Raja Sehari. Responden juga merasa sangat bangga apabila menyarungkan songket pada majlis persandingannya.

Mariana Binti Mahassan yang berumur 26 tahun dari Kampung Sungai Pas Kuala Krai, Kelantan. Faktor utama responden memakai songket pada hari persandingannya ialah kerana pilihan sendiri yang minat akan songket. Beliau menyatakan perasaannya ketika menggayakan songket ialah sangat yakin dan lebih bersemangat seperti seorang Raja walaupun hanyalah seorang “Raja Sehari” sahaja. Itu lah kelebihan apabila memakai songket pada hari persandingannya. Warna yang telah dipilih oleh responden ialah warna biru muda yang melambangkan ketenangan laut dan keharmonian bagi responden. Hal ini kerana responden menyukai warna yang lembut dan bercorak simple seperti bunga Tabur. Seterusnya beliau berpendapat pemakaian songket sangat sesuai jika dijadikan sebagai persandingan Raja Sehari.



Gambar 4.1.2 Songket Corak Bunga Tabur dan Pucuk Rebung

Berdasarkan responden Siti Aminah Binti Daud dari Kampung Melor, Pasir Putih yang berumur 24 tahun. Menurut beliau, faktor yang menjadikannya memilih kain songket dalam persandingan ialah kerana pilihannya sendiri yang minat akan songket. Beliau juga berpendapat kain songket mempunyai kuasa yang tersendiri apabila menyarungkannya ditubuh. Sebagai contoh pada persandingannya sendiri. Perasaan seperti seorang Raja Sehari sememangnya ada ketika songket digayakan. Menurut beliau pemilihan corak dan warna menjadi keutamaannya kerana setiap warna dan rekaan corak mampu memberi kesan yang mendalam kepada responden. Pakaian songket ini diperolehi dari butik pengantin yang menawarkan pakej untuk para pengantin. Responden merasakan songket harus ada dalam persandingan bagi melengkapkan lagi adat perkahwinan Melayu bagi beliau sendiri.

Pengkaji telah menemubual responden dari Kota Bharu, Wan Mastura Bin Yaakob berumur 23 tahun, mengenai pemakaian songket bagi pandangan beliau. Faktor utama responden menggayakan songket ialah kerana pilihannya sendiri yang memang minat dengan songket. Setelah memakai songket beliau merasa yakin dan bersemangat seperti seorang Raja walaupun hanyalah gelaran Raja Sehari sahaja. Responden turut merasakan bangga apabila memakai songket. Hal ini kerana merasai dirinya seperti seseorang yang sangat penting pada saat itu. Pemilihan warna yang sesuai turut mempengaruhi responden untuk memakai songket pada majlis persandingan. Songket yang menggunakan warna lembut semakin diminati oleh kebanyakan pengantin masa kini. Responden juga berpendapat pemakaian songket dalam persandingan sangat hebat dan berseri seperti ada aura yang lebih menonjolkannya. Responden juga memperolehinya daripada koleksinya yang sudah sedia ada. Apa yang dimaksudkan oleh responden ialah beliau sangat minat akan songket dan sanggup membeli songket sebagai bahan koleksinya.

Berdasarkan Nik Siti Aishah dari Kota Bharu yang berumur 25 tahun. Responden memilih songket dalam persandingannya kerana pilihan perunding iaitu selaku Mak andam yang menentukannya. Responden merasakan serba salah kerana songket dianggap ketinggalan zaman dan merasa tidak selesa ketika menggayakannya. Responden berpendapat pemakaian songket kurang sesuai dan sudah ketinggalan zaman. Hal ini kerana ketidakselesaan ketika menggayakan songket. Songket ini juga diperolehi oleh responden melalui sewa yang ditawarkan oleh pihak perunding perkahwinan. Syarifah Syahirah dari Kota Bharu Kelantan berumur 25 tahun. Menurut beliau sebab utama

memilih songket sebagai pakaian persandingannya kerana minatnya yang mendalam mengenai kain songket. "Setakat ini saya sudah mempunyai beberapa jenis pasang songket yang ditempah daripada penjual songket di dalam Pasar Siti Khadijah. Warna yang menjadi pilihannya ialah warna merah hati, keemasan, ungu kebiruan dan kuning kehijauan. Warna-warna ini sangat cantik jika digayakan pada majlis-majlis tertentu termasuklah ketika persandingannya. Beliau ingin kelihatan anggun, moden tapi lembut bila dipandang. Kebanyakan pakaian songket responden dari corak bunga tabur dan tidak sarat coraknya untuk disesuaikan dengan tubuhnya yang kecil. Selain itu, beliau berpendapat songket sangat sesuai jika digayakan ketika perkahwinan kerana menampakkan pengantin lebih hebat dan berseri-seri. Hal ini kerana hanya pengantin sahaja yang boleh memakai songket yang bercorakkan mewah dan warnanya yang sangat lembut dan menonjolkan lagi keserian pengantin.

Siti Azura Binti Daud, dari Kota Bharu Kelantan yang berumur 25 tahun. Menurut beliau pemilihan untuk memakai songket ketika majlis persandingan ialah kerana perasaan ingin merasai apabila menggayakan songket pada majlis bersanding. "saya suka songket...bila pakai songket baru rasa kahwin". Kain songket dan pengantin sangat sinonim, sangat traditional sebab tu saya suka" selain itu, responden juga merasakan sangat yakin dan bersemangat seperti seorang Raja dan bangga dengan pakaian tradisi tersebut. Pandangan beliau mengenai songket pula ialah ianya penuh dengan nilai budaya dan sangat sesuai sebagai Raja Sehari. Pemakaian songket juga sangat

sesuai apabila ke majlis-majlis tertentu yang melibatkan budaya dan tradisi masyarakat Melayu.

Ernie Marlina Binti Zakaria dari Kota Bharu Kelantan yang berumur 30 tahun. Pilihannya untuk memakai songket adalah kerana perunding imej selaku Mak Andam yang mengesyorkannya. Pemakaian songket juga sangat sesuai sebagai Raja Sehari kearana ianya penuh dengan nilai budaya dan rasa sejati anak Melayu. Beliau mendapatkan songket ini daripada butik pengantin itu sendiri.

4.3 Pemakaian Songket Pengantin Di Kelantan

4.3.1 Pakaian pengantin Melayu

Masyarakat Melayu yang menghadiri majlis perkahwinan adalah sinonim dan beradat jika memakai pakaian tradisional. Lazimnya sepasang pakaian songket Melayu Tradisional bagi lelaki adalah mengandungi sepasang pakaian, kain samping dan tengkolok semuanya berasaskan daripada songket. Tengkolok atau tanjak boleh diubah-ubah lipatannya dengan berbagai-bagai cara. Seterusnya, dari segi pemakaian perempuan pula ialah melihat kepada set persalinan. Kebiasaanya, pengantin perempuan memakai baju songket kebaya labuh, sementara pengantin lelaki memakai baju Melayu songket. Songket telah dipelbagaikan kepada banyak jenis fungsi dan telah dicipta dengan kepelbagaian gaya. (dipetik daripada Buku Tenunan).

Secara umumnya, pengkaji telah melihat cara pemilihan responden secara tidak langsung dari aspek:

4.3.2 Pemilihan Corak dan Motif

Pemakaian dan pemilihan songket pengantin memainkan peranan penting dalam menaikkan lagi seri dan kemeriahannya. Selain itu, pemilihan corak dan motif juga mempengaruhi pemilihan dalam songket. Motif dan rekacorak songket banyak dipengaruhi oleh alam persekitaran penenun. Tambahan pula, rekacorak dan motif seperti kuih-kuih Melayu senjata dan permainan Melayu, mencerminkan aspek kehidupan penenun sehari-hari.

Rekacorak kain songket lazimnya terdiri daripada susunan bunga penuh, bunga tabur dan susunan bercorak. Motif yang biasa digunakan dalam Kain Songket adalah pucuk rebung, bunga tabor penuh, lawi ayam, tampuk manggis, bunga raya dan selak berantai. Selain itu, corak abstrak dan corak gabungan antara motif tradisional dan motif moden juga mula dipelbagaikan.

Corak-corak yang terdapat pada kain songket paling hebat dan unggul sekali ialah corak pucuk rebung. Berbagai-bagai interpretasi tentang corak ini telah dikaitkan mempunyai hubungan dengan simbol kekuatan untuk mendidik dan mencari nilai yang baik dalam kehidupan.

Pucuk Rebung atau dikenali juga sebagai motif tumpal menyerupai segi tiga “isosceles”. Ia biasanya ditenun di bahagian kepala kain dan menjadi daya penarik utama jika dibandingkan dengan corak-corak lain yang digunakan untuk kain sarung atau samping. Selain itu, corak pucuk rebung juga digunakan untuk menghiasi kain bengkung, bahagian tepi kain sarung dan

kedua-dua belah penghujung kain panjang atau selendang. Corak dan motifnya juga memaparkan ciri-ciri unik identiti orang Melayu dan sekali gus mencerminkan cita rasa budaya bangsa yang mekar dalam persekitaran yang penuh dengan keindahan alam ciptaan Tuhan.

Motif pucuk rebung mempunyai pelbagai jenis corak, tetapi corak yang paling kerap digunakan oleh pengasas songket ialah motif pucuk rebung lawi ayam, pucuk rebung berjuang, pucuk rebung kandung, pucuk rebung siku keluang, pucuk rebung gigi bota dan pucuk rebung tunjuk langit.



Gambar 4.2.1 Rekacorak Pucuk Rebung

Hasil dari pemerhatian, di Kota Bharu Kelantan. Dari segi pihak pengantin kelihatan lebih berseri-seri dengan memakai pakaian Songket berunsurkan corak “Pucuk Rebung” sekaligus menaikkan lagi kemeriahian majlis tersebut. Selain itu, pengantin juga menampakkan kehalusan dan

kelembutan apabila kain Songket berada di badan pengantin. Selain itu, pengkaji turut melihat suasana pada majlis perkahwinan yang menjadikan Songket sebagai pakaian utama lebih meriah dan Kemelayuan.

Hasil dari pemerhatian, segi reka corak pemakaian songket ini lebih kepada corak pucuk rebung. Selain itu, terdapat banyak lagi rekacorak songket yang digunakan oleh pengantin berunsurkan corak bunga tabur penuh. Kebanyakan corak-corak ini lebih laris di kalangan pengantin masa kini kerana coraknya yang simple, cantik dan merupakan salah satu corak zaman tradisional ketika adanya songket yang memberi makna dalam kehidupan masyarakat.


Pemilihan rekacorak pucuk rebung kerana rekacorak yang tidak terlalu serabut, mudah, dan menggambarkan budaya orang Melayu. Bentuk “Pucuk Rebung” ialah di bahagian tepi pucuk yang berbentuk tiga segi itu mengandungi pusaran berkelok ke atas. Selain itu, terdapat sejenis lagi corak “Pucuk Rebung” yang dinamakan “Pucuk Rebung berbunga dalam”. Corak Pucuk Rebung yang ditenun dengan pelbagai warna benang itu memberikan inspirasi dan pengaruh cukup eksklusif terutama bila digayakan bersama baju Melayu ketika hari perkahwinan yang membawa kebahagiaan kepada pasangannya.



Reka corak “Pucuk Rebung Dan Bunga Tabur

Pada pemerhatian pengkaji, rekacorak Kain Songket dalam perkahwinan ini mempunyai corak yang disusun secara teratur dan halus. Corak-corak berbunga kecil atau bunga penuh dan pucuk rebung sahaja yang dipilih oleh para pengantin untuk dipakai ketika majlis perkahwinan tersebut. Pengkajian rekacorak dan pemakaian songket ini mempunyai caranya yang tertentu seperti kepala kain tidak boleh dipakaikan di bahagian depan kerana keindahan kepala kain turut mempengaruhi keseluruhan penampilan songket tersebut.


KELANTAN



Gambar 2 Susunan rekacorak dalam Songket

Sehelai songket membawa makna yang tertentu bagi masyarakat Melayu. Hasil dari pemerhatian pengkaji mengenai rekacorak dalam pemakaian pengantin ialah kain songket itu mempunyai bahagian-bahagian yang tersendiri supaya setiap bahagian seperti kepala, badan, kapit kepala, dan kaki kain. Setiap bahagian itu disempurnakan dengan sulaman motif pucuk rebung dan lawi ayam ditempatkan di kepala kain (gambar 2); kapit kepala kain dijalurkan bagi memisahkan kepala dengan badan kain. Badan kain pula khusus untuk pasangan pengantin yang disusun sarat benang emas dengan motif bunga Pecah Lapan dan tampuk manggis.

SUSUNAN BUNGA PENUH




Gambar 3 Corak Susunan Bunga Penuh

Gambar 3 di atas corak penuh bersulam juga dikenali songket cuban. Motif benang emas dan perak ditenun memenuhi keseluruhan kain bagi menampakkan lagi susunan Bunga yang telah tersedia disusun. Rekacorak bagi susunan bunga penuh ini lebih disukai oleh pengantin kerana coraknya yang memenuhi ruang kain songket berbanding dengan rekacorak yang lain. Rekacorak bergantung kepada minat seseorang pengantin tersebut. Kebiasaannya, corak susunan bunga penuh ini digunakan oleh pengantin dan juga sebagai pakaian semasa Perayaan atau ketika menghadiri majlis adat Melayu.




Bahagian Belakang



Bahagian Sisi

Gambar 4 Motif Tampuk Manggis

Songket bunga tabur ialah susunan bunga secara tunggal, tidak padat memenuhi permukaan badan kain. Ia juga dapat disusun berjalur, melintang atau tegak sebagai kain bercorak. Pengkaji mendapati hasil pemerhatian songket corak bunga tabur ini mendapat sambutan yang baik daripada pengantin kerana coraknya yang menarik dengan hanya menimbulkan dan memfokuskan kepada bunga tunggal itu sahaja. Selain itu, pemakaian pengantin banyak dipengaruhi oleh rekacorak yang bersesuaian dari segi coraknya yang mudah, tidak berserabut dan corak ditenun secara bertaburan dan tidak terikat atau berangkai antara satu sama lain. Pemilihan motif bunga tabur oleh responden kerana ianya mampu menimbulkan suasana dramatik bagi pasangan yang memakainya.



Gambar 5 Motif Tampuk Manggis

Rekacorak yang seterusnya ialah tampuk manggis. Menurut responden, corak tampuk manggis ini cantik dipakai ketika majlis perkahwinan. Hal ini melambangkan warisan Melayu yang masih lagi diamalkan oleh pasangan pengantin pada masa kini yang bermotifkan fauna. Selain itu, songket tampuk manggis juga menampakkan pakaian pengantin berkenaan lebih sopan bagi menghormati kain songket itu sendiri. Menurut responden lagi warisan bangsa kain tenuna Songket ini yang tidak harus dipandang rendah dan harus dijadikan sebagai persalinan ketika berkahwin.

Motif kain songket mempunyai dua unsur penting iaitu unsur alam dan tumbuhan. Ianya sering digunakan meliputi bentuk bunga, daun atau pucuk dan bahagian tampuk buah-buahan. Kesemua bentuk motif terhasil dalam bentuk corak geometrik. Motif pada kain songket disusun dengan susunan bunga penuh, bunga bertabur atau susunan bercorak. Motif pucuk

rebung dan lawi ayam sering ditempatkan dikepala kain. Manakala motif 'awan larat' pula dijadikan sebagai kaki kain (border design).

4.4 PENYESUAIAN DAN PENGGAYAAN FESYEN

4.4.1 GAYA

Istilah cara bukan sahaja memberi makna gaya (Style) tetapi merangkumi segala perlakuan adat, sopan santun dan etika “Kebesaran” keratuan atau kerajaan Melayu . Berbusana lengkap persalinan bukan sekadar menutup anggota tubuh tetapi juga harus berpakaian yang baik-baik (tingkah laku), dengan pakaian yang mulia-mulia”.

Pemakaian songket mempunyai cara untuk menggayakannya. Oleh itu pengkaji telah menjalankan kajian dengan mengambil tahu masa yang sesuai Songket itu digunakan. Dapatan kajian, kain songket sering digunakan apabila menghadiri majlis dan perayaan sahaja. Cara pemakaian songket menjadi lebih meluas, bersesuaian dengan majlis begitu juga corak dan motifnya yang semakin berbentuk kontemporari sesuai dengan perubahan dan peredaran masa. Pengkaji dapat melihat trend dalam pemakaian pengantin melalui cara penggunaan songket pada majlis persandingan dan majlis rasmi. Selain itu, penggunaan songket di kalangan masyarakat ditonjolkan ketika adanya pertunjukan fesyen atau ketika majlis yang bertema. Pengkaji juga melihat trend songket kini lebih kepada perkahwinan dengan menyelitkan songket di

bahagian-bahagian tertentu. Sebagai contoh songket diletakkan di bahagian baju pengantin lelaki agar menampakkan lagi keserian songket.

Menurut pereka fesyen dari Nick Pengantin, rekaannya yang berkaitan dengan songket juga banyak di gayakan ketika majlis adat seperti pertunangan, kesyukuran. Selain itu, gaya songket turut digayakan untuk dipelbagaikan fungsinya yang tidak hanya kepada acara-acara perkahwinan sahaja.



Songket yang digayakan sebagai samping pengantin lelaki.

Songket juga semakin banyak di modenkan walaupun ianya hanyalah untuk majlis-majlis bercirikan tradisional, tetapi perkembangan semasa telah membawa songket ke arah lebih kontemporari dengan pelbagai rekaan yang turut menggunakan songket sebagai bahan utama.

Menurut responden Nor Suraini dari Kota Bharu, pemakaian songket dijadikan penggayaan untuk menghadiri kuliah dan tidak hanya untuk ke majlis perkahwinan semata-mata. Hal ini, kerana responden berpendapat songket juga dapat dipelbagaikan mengikut kesesuaian tidak seperti dahulu. Selain itu, responden juga turut menggunakan songket untuk ke tempat-tempat tidak rasmi. Sebagai contoh untuk berkunjung ke rumah kenalan, berbeza dengan pemakaian pada masa dahulu yang terhad kepada majlis perkahwinan dan majlis pertabalan DiRaja sahaja. Pemakaianya dan fungsinya lebih menyeluruh, tidak terhad kepada kerabat diraja. Cara pemakaianya lebih bersesuaian dengan majlis begitu juga corak dan motifnya yang semakin kontemporari, sesuai dengan perubahan dan peredaran masa. perkembangan dan Suasana yang melatari songket kini turut berubah selaras dengan peredaran masa.


Berdasarkan pereka fesyen Juliana Ariffin pereka muda dan selaku guru dari Buku Songket, menegaskan, “*I particularly like the design aspect of Songket ... There's more scope for improvisation and colour input with modern design*”.

Hal ini jelas menunjukkan songket telah dipelbagaikan juga oleh pereka fesyen itu sendiri. Pengkaji juga melihat pemakaian songket kerap ditunjukkan melalui pertunjukan fesyen oleh model-model terpilih. Penggayaan songket turut dipelbagaikan dengan merubah gaya dan warna rekaan songket yang lebih moden.


Selain itu, pereka fesyen banyak mengaplikasikan rekaannya lebih kepada gaun pengantin yang menyelitkan songket walaupun sedikit. Hal ini kerana penggunaan songket mampu memberi kesan kepada pemakaian dan songket, disamping mempelbagaikan lagi rekaan songket masa kini.

Songket yang dijadikan samping telah dipakai oleh golongan lelaki apabila bersembahyang jumaat, berbeza dengan cara pemakaian songket pada masa dulu yang hanya dipakaikan kepada pengantin lelaki sahaja, tetapi sekarang ianya juga telah digunakan oleh orang lelaki untuk ke tempat-tempat rasmi ataupun tidak. Kini, songket telah menjadi fesyen bagi pakaian lelaki dan wanita. Songket boleh di pelbagaikan dengan menggayakannya dengan seluar dan tidak hanya terikat dengan majlis perkahwinan sahaja. Oleh itu, rekaan songket dan pemilihan warna yang terang Nampak lebih menarik dan sesuai apabila digayakan oleh semua lapisan masyarakat terutama golongan muda.

Menurut responden, pakaian kain songket ini digunakan hanya untuk memenuhi syarat sebagai orang Melayu untuk menyarungkan pakaian apabila menghadiri majlis yang melibatkan perasmian adat ataupun hari-hari yang penting bagi menaikkan lagi semangat dan warisan Melayu.



Songket selendang kaum wanita



Songket sebagai kemeja dan selendang

4.4.2 Pereka Fesyen

Pengkaji telah menemubual pereka fesyen untuk mendapatkan hasil kajian mengenai pemakaian songket ini.

Seramai 3 orang pereka fesyen telah pengkaji jalankan ialah Cikgu Nik yang memiliki Butik Pengantin di Kuala Krai. Menurut beliau bahagian yang sangat dititikberatkan ialah rekacorak songket. Hal ini kerana majoriti pelanggan lebih memilih corak motif berbanding dengan yang lain. Antara motif yang paling disukai ialah pucuk rebung dan juga bunga tabur. Pandangan beliau apabila melihat pengantin dalam pakaian songket ialah

dapat merasakan adanya adat orang Melayu yang masih mengekalkaan tradisional dengan menggayakan songket.

Pereka fesyen yang seterusnya ialah pemilik Butik Ariana Collections. Beliau sangat mementingkan songket kerana songket merupakan pakaian yang penuh dengan nilai budaya yang tinggi termasuklah keseniaan dan kehalusan orang Melayu yang disampaikan melalui cara tenunan ini. Menurut beliau "Meskipun ia digunakan sekadar hiasan, tetapi apabila melihat pakaian berkenaan perkara yang paling menonjol tentunya songket itu sendiri. Tetapi, bagi menyerikan lagi penggunaan songket itu beliau membuat kerawang pada tepinya selain ditambah sedikit manik digunakan untuk menambahkan kilauan pada rekaan.

Pembelian kain songket juga di ambil di Kota Bharu dan juga Kuala Terengganu. Dari segi penyesuaian songket yang diambil terhadap pengantin ialah dari segi taraf dan corak. Kedua-dua faktor ini melibatkan kesesuaian kepada pengantin. Beliau berpendapat pengantin dalam pemakaian songket menampakkan keserian dan ketampanan pengantin dengan songket masing-masing. Pasangan pengantin juga akan dilihat sebagai Raja Sehari kerana pakaianya yang membezakan antara orang biasa dan pengantin.

Pereka fesyen Hatta Dolmat, Rizman Ruzaini, Chandra Shegar, Nik Erwan dan Calvin Thoo dalam "Suara Kontemporari Kosmo" menyatakan motif yang diketengahkan oleh penenun lama banyak menjadikan alam sekeliling sebagai idea atau ilham seperti tumbuh-tumbuhan dan bunga-bungaan serta peradaban masyarakat Melayu lama yang kemudiannya

dihadarkan dengan penuh kecintaan dan penuh ketelitian. Hal ini telah menjadi cabaran kepada para pereka apabila dinasihatkan agar terus memelihara keindahan dan ketelitian tersebut dalam usaha menghasilkan satu hasil kerja yang menarik untuk dijadikan sebagai penggayaan masa kini.

4.4.3 Pengasas Songket

Dapatan kajian pengkaji juga melibatkan pembuat songket itu sendiri kerana dari pembuat songket dapat dilihat jenis motif dan rekacorak yang dihasilkan.

Pengkaji telah menemubual pembuat songket iaitu Puan Zaimah Binti Hassan berumur 62 tahun. Beliau berasal dari Kampung Pasir Panjang Lorong Kemunting Terengganu. Menurut beliau, penglibatan beliau dalam bidang tenunan telah bermula sejak berumur 15 tahun. Menurut beliau harga songket sekarang sederhana harganya kerana berpadanan dengan hasil tangan yang dihasilkan oleh para penenun yang menghasilkannya dengan penuh kehalusan dan menggunakan kreativiti dalam mengaplikasikannya kepada hasil tenunan. Dari segi sambutan songket pula, beliau berpendapat ianya memuaskan terutama apabila tibanya musim cuti sekolah dan perkahwinan serentak. Hal ini kerana sambutan akan melebihi dari hari-hari biasa.

Pembeli songket kebiasaanya terdiri daripada orang perseorangan dan peminat koleksi. Pengkaji melihat Puan Zaimah mempunyai teknik tenunan yang sangat baik dan faktor ini lah yang menjadikan hasil tenunanya

mencecah ribuan ringgit bergantung kepada rekaan corak dan motif yang diperlukan.



Proses Menenun



Motif “Pucuk Rebung”

4.4.4 Peniaga Songket

Dapatan kajian pengkaji juga melibatkan temubual bersama penjual songket di sekitar Kota Bharu dan Kuala Terengganu.

Berdasarkan Saiful Bahari yang berumur 33 tahun. Kebanyakan corak yang lebih laris pada masa kini ialah corak Bunga Tabur dan juga Pucuk Rebung. Hal ini kerana rekacoraknya yang simple dan tidak sarat dengan tambahan corak yang lain telah memikat hati pelanggannya terutama bakal pengantin yang membelinya.

Selain itu, responden menyatakan majoriti bakal pengantin yang berkunjung ke kedainya bertanyakan dahulu rekacorak motif yang sesuai

untuk dijadikan pakaian pengantin kerana mereka tidak tahu untuk membezakan corak untuk majlis-majlis tertentu samada untuk keraian atau perkahwinan. Dari segi hasil jualan dan masa depan songket, responden berpendapat songket akan terus maju jika disambut baik oleh pelanggannya yang terdiri daripada bakal-bakal pengantin. Tetapi persaingan dari pelbagai jenis kain tradisional yang lain seperti batik, sutera akan menjadikan songket menurun. Oleh itu, penting untuk pengantin terus menggayakannya ketika perkahwinan di samping membantu menaikkan lagi taraf songket.

Pemilihan motif juga menjadi keutamaan bakal pengantin yang berkunjung ke kedainya. Kepelbagaiannya motif yang terdapat di kedainya, tetapi motif yang dipilih oleh pelanggannya ialah pucuk rebung dan juga bunga Tabur. Hal ini kerana bentuk motif yang sudah lama digunakan oleh para pengantin.

Hasnol Hisyam yang berumur 30 tahun. Menurut beliau, pilihan utama pelanggan beliau ialah songket yang bermotifkan pucuk rebung. Menurut responden kebanyakan bakal pengantin yang berkunjung ke kedainya akan bertanya terlebih dahulu mengenai kain songket samada tulin atau buatan mesin di samping melihat jenis-jenis reka corak yang terdapat di kedainya. Keaslian sesuatu rekacorak juga penting bagi pengantin ketika menggayakannya. Jadi tidak hairan lah jika kebanyakan pelanggan yang berkunjung ke kedai milik responden lebih mengutamakan corak pucuk rebung dan bunga tabur. Responden turut berpendapat mengenai songket pada masa hadapan yang berdepan dengan pembangunan kerana songket menjadi salah

satu warisan yang akan sentiasa dijaga oleh masyarakat. Jadi, beliau berpendapat songket akan terus mekar jika masih ada sesetengah masyarakat yang sudi memakainya samada dalam pelbagai majlis agar ianya sentiasa diingati sebagai pakaian adat. Selain itu, pelanggan yang berkunjung ke kedainya juga majoriti memerlukan penerangan sebelum membeli kain songket untuk menyesuaikan motif dengan majlis yang diadakan.


Encik Azmi Ismail yang berumur 35 tahun. Menurut beliau, corak yang paling laris dipilih oleh pengantin di kedai miliknya ialah songket bermotifkan pucuk rebung dan juga bunga penuh. Motif pucuk rebung dan bunga penuh pula dipilih berdasarkan penggunaan warna iaitu warna hitam. Hal ini kerana warna hitam akan menaikkan lagi seri pengantin apabila benang songket ditenun dengan warna keemasan. Pengantin juga turut bertanyakan soalan apabila membeli kerana sesetengah pelanggan tidak tahu mengenai motif pada songket dan hanya melihat dari segi kecantikan luaran sahaja. Pandangan beliau mengenai kemajuan songket pada masa hadapan pula ialah akan meningkat kerana kebanyakan sutera mahal, jadi seharusnya kain songket akan terus naik di samping bakal pengantin yang sentiasa menggunakan ketika majlis perkahwinan. Pemilihan kain songket juga berdasarkan penyesuaian dengan majlis yang diadakan dan bukan sebagai style ataupun fesyen terkini.

Tuan Haji Yaakob yang berumur 41 tahun. Menurut beliau, pemilihan corak yang paling laris ialah kain songket yang bermotifkan pucuk rebung dan juga bunga tabur. Kedua-dua jenis motif ini sangat disukai oleh pelanggan yang datang termasuklah bakal pengantin kerana motifnya yang simple dan


tidak sarat dengan pelbagai jenis motif yang lain. Selain itu, beliau turut berpendapat kain songket pada masa hadapan akan terus berkembang kerana Kain Songket sangat penting dalam budaya orang Melayu terutama dalam perkahwinan ataupun majlis-majlis adat orang Melayu.

Penyesuaian songket juga dipilih bukan hanya sebagai kain songket semata-mata tetapi juga disesuaikan dengan majlis yang di adakan. Jadi, motif yang sesuai harus dipilih untuk menjadikannya lebih bermakna pada hari yang bahagia. Selain itu, menurut beliau, kain songket di ambil di merata tempat seperti Terengganu dan juga Kelantan. Seterusnya, beliau menyatakan penyesuaian songket diambil terhadap pengantin bergantung kepada corak dan warna. Beliau juga menegaskan corak sangat penting untuk menentukan penyesuaian kepada pengantin. Kebiasaannya corak pucuk rebung, bunga tabur dan bunga penuh yang paling disukai oleh pengantin.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 3 songket yang digunakan sebagai samping



Gambar 4 Kain songket sebagai Samping dan Pakaian wanita



Gambar 6 Trend Songket sebagai gaun pengantin moden.



Gambar 7 Fesyen Songket



Gambar 8 Pemakaian songket tradisional

4.5 ANALISA KEPENTINGAN

4.5.1 BANGGA

Pemakaian songket dalam perkahwinan juga memberikan rasa bangga kepada responden apabila menggunakannya. Pengkaji berkesempatan menemubual responden mengenai kesan apabila menggayakan songket. Menurut Kamariah Binti Saad dari Kampung Kuala Krai, beliau merasakan sangat bangga apabila menggayakannya kerana pada ketika itu hanya pengantin yang kelihatan lebih berseri-seri berbanding dengan tetamu yang lain. Selain itu, responden juga merasakan bangga kerana rekaan corak songket yang halus dan lembut itu mampu menunjukkan kehalusan Orang Melayu di samping pilihan warna yang menarik. Sebagai contoh, pemilihan warna merah hati yang melambangkan keberanian dan keserian pengantin. Menurut responden perasaan bangga juga timbul kerana mereka berasa sangat teruja dengan songket yang merupakan warisan tradisional Melayu dan lambang bagi peradaban Melayu, seharusnya songket dipakai ketika majlis-majlis perkahwinan untuk memeriahkan lagi majlis tersebut.

Menurut pesara guru, Zainon Mohd Nor, 68, yang berasal dari Terengganu, pengantin yang memakai songket nampak lebih bersemangat dan berseri-seri seperti ada aura yang menguasai pengantin. Beliau turut merasa sangat bangga apabila menggayakan songket ketika majlis perkahwinannya kerana songket merupakan warisan turun temurun ahli keluarganya yang sangat mementingkan adat budaya. Selain itu, beliau merasa lebih sempurna perkahwinannya apabila songket dikenakan. Hal ini kerana songket memberi

maksud kehalusan orang Melayu dalam menyampaikan nasihat yang berguna kepada masyarakat yang tidak hanya melalui lisan sahaja.

Berdasarkan Mazwita Binti Abdullah dari Kampung Mengkebang, perasaan bangga apabila menyarungkan songket kerana ianya merupakan lambang status dan martabat yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Setelah memakai songket beliau dapat merasakan perkahwinan mereka sangat dibanggakan oleh tetamu yang hadir. Pemakaian songket dalam perkahwinan menjadikannya merasa bangga kerana menurut beliau tidak semua orang boleh memakai songket kerana harganya yang mahal, jadi pada masa itu lah songket boleh dipakai dan digayakan. Selain itu, responden turut berbangga dengan songket yang diwarisi kerana keunikian pembuatannya dan ketelitian yang diperlukan menyebabkan ia begitu tinggi nilainya, penggunaan warna yang menarik dan berani menjadi tarikan utama kepada beliau. Sebagai contoh, warna kuning , merah, biru, merah hati dan hijau.

Pemilihan warna kuning melambangkan kerabat DiRaja yang disanjung tinggi. Oleh itu, warna dalam kain songket mempengaruhi responden untuk merasai perasaan dihormati dan disanjung ketika majlis perkahwinan berlangsung. Selain itu, cara songket ini dipakai turut mempengaruhi keindahannya. Cara pemakaian songket lelaki dan wanita mempunyai perbezaannya yang tersendiri. Contohnya, Kepala kain tidak boleh dipakaikan di bahagian depan kerana keindahan kepala kain mempengaruhi keseluruhan penampilan tersebut. Responden turut berbangga apabila memakai songket

kerana songket merupakan lambang budaya dan mampu mengangkat martabat orang Melayu.

4.5.2 MEWAH

Pemakaian songket dalam perkahwinan juga melambangkan kemewahan kepada pengantin. Menurut responden Nor Suriani dari Kota Bharu, Kelantan. Beliau turut merasakan kemewahan apabila menyarungkan songket pada hari persandingan kerana gabungan kreativiti rekacorak dan motif yang dihasilkan serta nilai emas di mata masyarakat menjadikannya merasa lebih mewah. Selain itu, kemewahan juga dimaksudkan dengan responden kerana memakai songket, martabatnya dilihat lebih tinggi dan sekali gus mengangkat martabat pengantin itu sendiri. Responden merasa mewah apabila menggayakan songket sebagai samping kerana penggunaanya boleh melibatkan perbezaan antara pengantin. Jika dulu, samping songket hanya memperlihatkan corak benang emas, tetapi kini ada juga songket menggunakan benang metalik dalam warna perak, merah, biru, hijau dan ungu yang memudahkan lagi pengantin untuk disesuaikan dengan warna pakaian.

Seterusnya, mewah yang dimaksudkan ialah dari segi tenunan songketnya yang memperlihatkan kehalusan Melayu dalam menghasilkan corak-corak dalam songket perkahwinan terutama dalam pemilihan untuk samping yang mempunyai pelbagai pelbagai motif dan warna yang kontra. Responden dengan tidak langsung dapat mengenai asal usulnya, adat istiadat

memakainya, nilai yang tinggi serta kegunaannya bagi keluarga diraja. Kemewahan yang dirasakan apabila menggayakan songket juga ialah merasai bagaimana bergelar Raja Sehari walaupun sekadar istilah sahaja.

Selain itu, mewah apabila menggayakan kain songket ialah kilauan jalinan benang emas atau perak di antara benang sutera atau kapas yang digunakan mampu menonjolkan kualiti dan menunjukkan songket bermutu tinggi. Songket yang menggunakan warna-warna keemasan ini juga mampu



Songket Perkahwinan

4.5.3 NILAI BUDAYA

Nilai budaya dapat dilihat melalui pemakaian songket ini kerana setiap rekaan dan rekacorak yang ditonjolkan mempunyai nilai dan budaya hidup orang Melayu. Menurut responden Anisah Binti Abdullah dari Kampung Kuala Krai merasakan adat perkahwinannya penuh dengan nilai kerana cara pemakaian

songket yang berani dan “Gah” melibatkan cara orang Melayu. Sebagai contoh, songket dikenali dengan tenunan Melayu sejak berzaman kerana amalan dan tradisi Melayu yang melakukan kerja tangan dalam majlis perkahwinan perlu dikekalkan. Hal ini penting kerana itulah menunjukkan identiti majlis perkahwinan Melayu yang sebenarnya. Seterusnya, nilai budaya apabila menggayakan songket ialah penuh dengan kesopanan dan kelembutan. Menurut responden, sebagai seorang wanita perasaan ini akan terdetik kerana berpakaian songket dilabelkan sebagai pakaian adat oleh orang Melayu kerana ciri-ciri rekaan bajunya yang menutupi tubuh badan dan ditambah pula dengan aksesori untuk dilengkapkan sebagai Raja Sehari. Jadi, cara pemakaian ini lah yang menjadikan songket penuh dengan nilai budaya orang Melayu. Ia juga lebih sopan santun kerana apabila memakai songket secara langsung pihak perempuan tidak boleh melangkah dengan laju kerana kain sarungnya yang sempit dan sudah disiapkan dengan jahitan yang sempit. Beliau berpendapat songket penuh dengan nilai budaya kerana cara susunan motifnya yang diletak dibahagian tertentu seperti kepala kain yang lebih menarik. Setiap susunannya membawa makna kepada si pemakai dan juga yang melihat. Selain itu, budaya Melayu ditunjukkan melalui kesan kerajinan orang Melayu dengan mempamerkan kehalusan dan ketelitian ketika menghasilkan tenunan songket yang memerlukan kesabaran, kreativiti dan ketelitian.

4.5.4 HORMAT

Pemakaian songket dalam perkahwinan turut memberi rasa hormat dan rasa disanjung kepada pengantin. Menurut responden Anisah Binti Abdullah beliau merasakan sangat dihormati oleh tetamu mahupun kenalan yang datang berkunjung kerana apabila dilihat ramai masyarakat yang terpegun melihat kehalusan tenunan dan keindahan corak yang terdapat pada kain songket ini. Tambahan pula, ianya digayakan ketika majlis perkahwinan berlangsung yang diserikan lagi dengan aksesori seperti Raja Sehari. Keindahan dan kemeriahan sesebuah majlis itu menjadi lebih sempurna jika adanya sikap hormat di kalangan tetamu dan pengantin. Selain itu, responden juga merasa dihormati kerana beliau boleh memakai pakaian warisan tradisional yang melambangkan identiti masyarakat Melayu. Tidak semua orang boleh memakainya kerana pakaian songket ini pada masa dahulu hanya dipakai oleh golongan bangsawan dan golongan kerabat DiRaja sahaja. Jadi, pada saat pakaian ini dipakai maka timbul lah rasa dihormati.

Hasil daripada pemerhatian, pengantin yang mengenakan songket ini kelihatan megah dengan budaya Melayu, sopan santun dan juga dihormati kerana pada masa itu lah pasangan pengantin tersebut di kunjungi oleh para tetamu. Selain itu, apabila menggayakan songket rasa di hormati kerana pemakaian songket satu persalinan lengkap yang menampakkan kesesuaian apabila berada di pelamin. Bagi pihak pengantin lelaki disertakan dengan samping dan bengkung berasaskan songket. Jadi, apabila masyarakat melihat

ianya seperti seorang pahlawan kerana mengenakan persalinan songket yang lengkap.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya berdasarkan dapatan kajian yang telah pengkaji jalankan dapat disimpulkan bahawa pemakaian songket dalam pemakaian pengantin masih lagi segar di kalangan masyarakat kini dengan pelbagai rekaan dan warna yang melambangkan keaslian songket.

Pengkaji juga melihat dari segi nilai dan kepentingan songket dalam pemakaian. Majoriti responden yang memakai songket untuk perkahwinan mempunyai pelbagai nilai seperti songket sebagai gaya, menampakkan kemewahan, melambangkan budaya dan rasa di hormati. Hasil dari kajian ini, pengkaji mendapati pemakaian songket memberi kesan dan nilai yang penting kepada pengantin masa kini dan tidak hanya pada masa dulu sahaja.

Kajian tentang songket dalam pemakaian pengantin mempunyai nilai dan kepentingan kepada masyarakat kini terutama pengantin. Songket tidak lagi terhad untuk pemakaian pengantin sahaja tetapi telah digayakan oleh pelbagai lapisan masyarakat terutama kepada golongan pereka fesyen yang bertanggungjawab dalam mengaplikasikannya pada setiap rekaaan. Pengkaji dapat menganalisa dan meneliti nilai yang terdapat dalam pemakaian songket ini antaranya nilai budaya, bangga, mewah dan hormat. Selain itu, pengkaji juga melihat songket ini telah banyak mengalami perubahan dari segi motif dan corak songket banyak dipengaruhi oleh alam persekitaran penenun seperti flora dan fauna. Motif-motif ini banyak mencerminkan aspek kehidupan di samping menunjukkan betapa kreatif dan telitinya penenun mereka cipta reka corak .

Hasil dari kajian pemakaian songket ini juga pengkaji dapat melihat pereka fesyen dan pembuat songket saling memerlukan untuk menghasilkan rekaan yang lebih moden dengan berasaskan songket. Walaupun sekarang terdapat berbagai-bagai jenis kain yang menjadi pilihan ramai, namun begitu kain songket masih mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Ia tetap dipakai ketika menghadiri majlis-majlis tertentu samada formal atau tidak formal. Seterusnya, pengkaji melihat dari segi penerimaan pengantin untuk menggunakan songket pada majlis perkahwinan sangat memberangsangkan kerana majoriti masih memakai songket untuk persandingan. Pengkaji melihat kepada nilai dan status songket ini, jelaslah ianya melibatkan “Status pemakainya dan pemakaianya penuh dengan simbolik sebagai simbol adat istiadat dan penuh pantang larang”. (Sativa Sutan Aswar).

Apresiasi songket sudah lama digunakan dalam kehidupan masyarakat dulu. Sebagai contoh, lagu yang telah dinyanyikan oleh Saloma berkaitan songket.

Pemuda pemudi kalau berkain songket
Alangkah indah berseri bertambah cantik
Kain lah songket tenung Melayu
Mula asalnya dari Terengganu

oh abang yang manis
oh nona yang lawa
pakaian kain songket
pakaian budaya

*Kain songket pakaian anak Melayu
tapi sayang tak boleh pakai selalu*

kerana jemu mata memandang
tidak seperti batek basahan
berbagailah macam
boleh digayakan
setiaplah hari jikalau berjalan

Sungguh banyak dipakai masa hari raya
miskin kaya kecil besar tua muda
apalagi yang lelaki tua
bila berjalan dengan kaki tiga
tersenyum pula sambil ketawa
sayang sedikit giginya dua....

Selain itu, kain songket juga ditonjolkan dan digunakan dalam filem-filem lama arahan Allahyarham P.Ramlee yang mana setiap kali adanya perkahwinan akan menggunakan songket sebagai adat tradisional perkahwinan pada masa itu. Hal ini membuktikan kain songket sudah lama diguna pakai oleh masyarakat dulu sebagai tanda songket masih lagi sebagai cerminan budaya masyarakat.

Songket juga dipelbagaikan lagi dengan meletak imej songket dalam aksesori perhiasan seperti kasut, tas tangan wanita, perhiasan rumah termasuklah dijadikan hiasan dinding. Selain itu, songket diletakkan dalam rekaan jubah konvokesyen bagi pihak-pihak Institusi Pengajian Tinggi mahupun pihak swasta yang menunjukkan songket memberikan nilai yang positif bagi perkembangan semasa. Fungsi songket digunakan oleh fotografi sebagai latar belakang dalam setiap persembahannya untuk menunjukkan songket tetap ada dan dapat memberi ilham kepada fotografi di samping memperkenalkan lagi songket kepada masyarakat kini.

Sebagaimana yang telah di sebut Songket tidak akan pernah mati dalam kehidupan masyarakat terutama masyarakat Melayu kerana apresiasi terhadapnya masih bersemarak di kalangan pencinta budaya. Sebagai contoh, masyarakat kini sentiasa menggunakan dalam kehidupan seharian seperti baju berasaskan songket dipakai untuk ke majlis formal dan bukan hanya ke majlis perkahwinan sahaja. Oleh itu, masyarakat Melayu seharusnya berbangga dengan pemakaian songket kerana bukan hanya orang Melayu yang

menggayakannya tetapi masyarakat luar turut memakainya sebagai persalinan perkahwinan mereka. Contohnya, program TV3 NONA yang mempamerkan perkahwinan bertemakan songket oleh masyarakat luar.

Hal ini jelas membuktikan songket mendapat tempat dikalangan masyarakat luar. Pengkaji melihat nilai kepentingan kepada masyarakat melalui pemakaian songket ini juga dapat memberi rasa kesedaran betapa tingginya martabat Melayu apabila songket turut digayakan oleh masyarakat luar pada majlis perkahwinan yang membuktikan songket tetap ‘Gah’ dan mempunyai “simbol adat dan penuh dengan nilai yang tinggi”. Perkembangan songket dilihat semakin positif kerana songket sudah berada di mana-mana tempat pada masa kini.

Penggunaan songket ini terus dipelbagaikan agar ianya dapat dikekalkan sebagai warisan Melayu. Hal ini dapat membantu individu dalam meneliti penggunaan dan analisa pemakaian pengantin dengan lebih dekat di samping memelihara warisan Melayu dan mengenali budaya dan nilai yang terdapat pada pakaian songket. Selain itu, pihak tertentu juga menganjurkan perkahwinan di Malaysia yang bertemakan persandingan Songket iaitu semua pengantin akan di persandingkan menggunakan pakaian songket di samping memperkenalkan lagi songket. Pengkaji juga melihat songket sudah diletakkan atau dijadikan sebagai Koleksi di setiap Muzium yang terdapat di Malaysia. Cara pamerannya boleh dilakukan dengan memakaikan kain Songket untuk acara perkahwinan di setiap negeri. Dengan adanya kaedah pemuliharaan ini dapat mendekatkan lagi masyarakat dengan nilai budaya songket.

Selain itu, songket dapat diaplikasikan juga oleh pengurus homestay dan hotel-hotel di Malaysia dengan menerapkan songket di bahagian kolar baju para pekerjaanya walaupun sedikit. Hal ini boleh memperkenalkan lagi songket kepada pelanggan yang berkunjung ke homestay di samping memulihara songket sebagai warisan Melayu.

5.2 CADANGAN

Pengkajian terhadap pemakai songket tidak akan selesai kerana perkembangannya semakin pesat mengikut arus zaman. Kepelbagaiannya penggunaan songket semakin ketara dan boleh di lihat di mana-mana. Bukan sahaja sebagai aksesori tetapi sudah di gunakan sebagai imej korporat dan sebagainya. Dalam konteks ini kajian dan penulisan terhadap songket seumpama ini harus di teruskan. Ianya bukan sahaja penting untuk generasi baru tetapi sebagai sumber rujukan yang lebih global. Penerbitan buku ilmiah tentang songket seharusnya menjadi agenda utama kerana ianya mustahak untuk perkembangan pendidikan budaya dan etika Melayu.

Songket merupakan tenunan yang penuh simbolik, halus dan bermakna yang harus diselami ertiinya oleh setiap pencinta budaya.

KELANTAN

BIBLIOGRAFI

Azah Aziz (1999). *Songket Satu Warisan Malaysia*: diterbitkan oleh Pustaka Seni Galeri Petronas.

Dr. Tengku Iskandar (1994), *Kamus Dewan Edisi Keempat* : Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur

Hajah Norsinah Haji Zainal (1989). Aneka Gubahan Majlis Perkahwinan: diterbitkan oleh Times Books Interactional

Halimah Binti Hassan (1979). Beberapa Ukiran Dalam Menilai Keindahan Melayu: Tumpuan Khas Kepada Ukiran Kayu, Tenunan Songket Serta Anyaman Pandan Dan Mengkuang. Universiti Kebangsaan Malaysia

Norwani Mohd Nawawi (1989). Malaysian Songket: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur.

Siti Zainon Ismail (2006). Pakaian Cara Melayu. Published in Malaysia by Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Siti Zainon Ismail (1997). Tekstil- Tenunan Melayu, keindahan Budaya Tradisional Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Zainon Ismail (1986). Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur

Syed Ahmad Jamal (1992), Rupa & Jiwa: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian
Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN


SONGKET MODEN



Gambar 1 Pemakaian Songket



Gambar 2 Songket pada Gaun



Gambar 3 Penggayaan Songket



Gambar 4 Songket hiasan Baju

PENGGUNAAN SONGKET MASA DAHULU



Gambar 5 Pakaian Songket



Gambar 6 Persandingan Songket



Gambar 7 Perkahwinan dahulu



Gambar 8 Perkahwinan Di Raja